



JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dengan ini mempelawa calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan kontrak seperti berikut:

PENOLONG JURUTERA GRED JA29

| BIL | SKIM | GRED | BIDANG | NEGERI | BIL. KEKOSONGAN |
|-----|-------------------|------|----------|--------------|--------------------|
| 1 | Penolong Jurutera | JA29 | Awam | Kedah | 1 |
| | | | | Pulau Pinang | 1 |
| | | | | Perak | 1 |
| | | | | Sarawak | 1 |
| 2 | Penolong Jurutera | JA29 | Elektrik | Sarawak | 1 |

1. MAKLUMAT JAWATAN:-

Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract Of Service*)

Disandarkan Pada Skim Perkhidmatan : Penolong Jurutera

Gred : JA29

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan

Jabatan / Bahagian : Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Jadual Gaji : RM1,549.00 - RM5,701.00

2. SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Calon hendaklah memiliki **Kepujian** (Sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (d) Memiliki Diploma Akademik dalam **Bidang Kejuruteraan** yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Bidang yang diberi keutamaan adalah seperti berikut:
 - i. **Diploma Kejuruteraan Awam**
 - ii. **Diploma Kejuruteraan Elektrik**
- (e) Telah menamatkan pengajian dan mempunyai skrol diploma serta transkrip (**telah selesai Majlis Konvoesyen**);
- (f) Memiliki Nilai CGPA 3.00 ke atas;
- (g) Pengalaman kerja dalam bidang berkaitan sekurang-kurangnya 12 bulan boleh diberikan keutamaan;
- (h) Mempunyai kemahiran dalam bidang menganalisa data / maklumat adalah satu kelebihan;
- (i) Mahir menggunakan perisian Microsoft Office;
- (j) Mempunyai Lesen Memandu Kelas B2 atau D.

3. CARA MEMOHON:-

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di kis.kemas.gov.my mulai **19 Jun 2023 (Isnin)**.
- (b) Calon hanya dibenarkan mengisi **satu (1) jawatan sahaja**.
- (c) Permohonan yang lewat diterima atau tidak mengikut syarat yang dinyatakan akan ditolak.
- (d) Hanya permohonan yang dibuat secara atas talian sahaja yang akan diterima.

4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN:-

02 Julai 2023 (Ahad)

5. PANGGILAN TEMU DUGA:-

- (a) Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk sesi temu duga.
- (b) Calon yang tidak dihubungi selepas tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan dianggap **tidak berjaya**. Surat pemberitahuan tidak akan dikeluarkan oleh Jabatan.